

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU  
[SARIKEI - DAP]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN (NO. 20)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar, Joseph Schooling adalah seorang perenang dari negeri Perak yang baru memenangi pingat emas dalam acara sukan Olimpik Rio de Janeiro, beliau telah memecahkan rekod Malaysia National Junior Swimming League (rekod ini masih dipegang oleh beliau hingga sekarang, belum dipecahkan oleh sesiapa lagi). Apakah sebab beliau meninggalkan pasukan negara kita dan menyertai pasukan Singapura.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Joseph Isaac Schooling** dari sukan Renang yang telah berjaya memenangi pingat emas untuk Singapura di Olimpik Rio dalam acara 100m kuak kupu-kupu merupakan atlet kelahiran dan memegang kerakyatan Singapura berdasarkan bapanya Joseph Colin Shooling merupakan warganegara Singapura manakala ibunya May Yim Schooling yang berasal dari negeri Perak bekerja di Majlis Sukan Singapura (Singapore Sports Council) juga telah pun memiliki taraf Penduduk Tetap Singapura.
2. Joseph Isaac Schooling sememangnya pernah menyertai Kejohanan Renang "MILO-PRAM National Age Group" Kali ke-42 pada bulan April tahun 2006 bertempat di Kompleks Renang Paroi Seremban dengan mewakili negeri Perak kerana beliau sering pulang ke kampung halaman ibunya di Perak malahan ibu beliau merupakan kenalan baik kepada ahli-ahli Persatuan Renang Negeri Perak. Syarat untuk menyertai Kejohanan Renang "National Age Group" adalah atlet tersebut hanya perlu berdaftar di bawah kelab atau negeri yang bergabung dibawah Persatuan Renang Amatur Malaysia (PRAM) dan kejohanan tersebut tidak tertakluk kepada taraf kerakyatan atau kewarganegaraan. Joseph Isaac Schooling walau bagaimanapun tidak menyertai Sukan Malaysia 2006 di Kedah sebulan selepas kejohanan tersebut.

**SULIT**

**SULIT**

3. Kesimpulannya, Joseph Isaac Schooling bukanlah warganegara Malaysia dan beliau tidak pernah mewakili Malaysia ke mana-mana pertandingan dan tidak pernah termasuk di mana-mana program pembangunan atau prestasi tinggi di bawah Majlis Sukan Negara baik sebelum atau selepas tahun 2006 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

**SULIT**